

PERANAN ICT DALAM MENGENDALIKAN KURSUS-KURSUS  
PENGAJIAN UMUM: KAJIAN KES DI KUIM

Nurdiana Azizan dan Eadrul Munir Muhammad Nur  
Pusat Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan  
Tel: 06-7988759, Fax: 06-7988238, E-mail: azizann@yahoo.com  
Tel: 06-7988440, Fax: 06-7988598, E-mail: badrul@admin.kuim.edu.my

*Abstrak*

*Subjek-subjek umum merupakan pendedah awal mengenai kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan oleh pelajar-pelajar apabila memasuki sesebuah institusi pengajian tinggi. Di Kolej Universiti Islam Malaysia, subjek-subjek umum tersebut merangkumi TITAS, Hubungan Etnik, Kemahiran Berfikir, Kemahiran ICT, Kemahiran Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, Metodologi Penyelidikan dan Ko-Kurikulum. Ia diperlukan bagi membolehkan pelajar menggunakan kemahiran tersebut di dalam bidang pengajian mereka dan seterusnya mengaplikasikan di dalam kerjaya mereka. Kertas kerja ini disediakan untuk memberi gambaran umum mengenai pengendalian subjek-subjek Pengajian Umum di Kolej Universiti Islam Malaysia, yang kebanyakan pelajarannya terdiri daripada lepasan STAM. Ia juga membincangkan tentang peranan, cabaran dan kesan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran subjek-subjek umum yang ditawarkan di KUIM. Satu penyelidikan mengenai hal ini telah dilakukan ke atas siswa-siswi KUIM dan hasilnya didapati bahawa pencapaian dan prestasi pelajar adalah pelbagai bergantung kepada latar belakang dan bidang yang mereka ceburi. Ini merupakan cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar bagi memastikan pelajar dapat menggunakan kemahiran yang dipelajari selaras dengan perkembangan zaman dan kemajuan ICT.*

SEKILAS TENTANG KUIM

*Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah diuluskan penubuhannya dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Jun 1997 dan diwartakan pada 13 Mac 1998. Universiti ini merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang pertama ditubuh dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia pada permulaan abad ke-21 dan merupakan IPTA yang ke-12 ditubuhkan di negara ini.*

Hasrat utama penubuhan KUIM ialah untuk memartabatkan pendidikan Islam dalam perkembangan arus perdana pendidikan negara yang mengutamakan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam bidang akademik meliputi pengajaran dan penyelidikan. Bagi memenuhi hasrat itu juga, penguasaan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris disamping Bahasa Kebangsaan menjadi agenda penting dalam pembangunan akademik mahasiswa KUIM. Sila rujuk kepada Jadual 1 mengenai visi dan misi KUIM.

KUIM juga memberi penekanan kepada :

- Melahirkan ilmuan Islam berpendidikan sepadu antara teori dan amali, bersifat ensiklopedik dan mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.
- Mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul dan mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi melahirkan ulama dan intelektual muslim yang mampu memberi kefahaman dan penghayatan Islam.
- Menjadi pusat kecemerlangan pendidikan, penyelidikan, penerbitan dan kerjasama ilmiah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa terutama yang berkaitan dengan keislaman.
- Penggunaan Teknologi Maklumat dan Informasi (ICT) secara maksima di kalangan pentadbiran, kakitangan akademik dan pelajar-pelajar sebagai teras kekuatan sistem pendidikan, selaras dengan hasrat negara dalam melahirkan masyarakat yang celik IT.

Jadual 1: Profil KUIM

<b>Moto, Falsafah, Wawasan Dan Misi</b> <b>Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)</b>	
<b><u>Moto</u></b>	Berilmu, Berdisiplin, Bertakwa
	<b><u>Falsafah</u></b> Paduan antara Ilmu Naqli dan Akli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.
<b><u>Wawasan</u></b>	Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.
<b><u>Misi</u></b>	Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam

Penekanan-penekanan yang disebutkan di atas dilaksanakan di dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di KUIM selaras dengan objektif-objektif berikut:

- Memartabatkan Pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara
- Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap mahasiswa yang dikeluarkan.
- Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.
- Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.
- Membekalkan tenaga kerja yang kukuh dengan penghayatan nilai-nilai Islam, mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

#### **Penubuhan Fakulti dan Pusat**

Sesi akademik KUIM bermula pada tahun 2000 dengan membuka tiga fakulti iaitu Fakulti Syariah dan Kehakiman, Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam dan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.

Sejajar dengan matlamat untuk melahirkan graduan yang mempunyai pelbagai kepakaran, KUIM menubuhkan Fakulti Ekonomi Muamalat pada 13 Oktober 2001 dan diikuti dengan Fakulti Sains dan Teknologi pada 23 Oktober 2003.

Dalam masa yang sama, KUIM telah mengatur langkah untuk menubuhkan beberapa fakulti dan pusat untuk menampung keperluan modal insan negara. Ini dizahirkan dengan penubuhan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan pada 26 Januari 2004 dan Fakulti Pengajian Bahasa Utama pada 31 Januari 2005.

Pusat Tamhidi pula telah ditubuhkan pada 26 Januari 2004 dengan menawarkan program peringkat pra-universiti atau matrikulasi selama setahun dari lulusan Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) untuk disalurkan ke pelbagai fakulti yang ada di KUIM.

Manakala Pusat Pengajian Umum telah ditubuhkan secara rasminya pada 20 Februari 2005 apabila mesyuarat yang pertama diadakan dengan membawahi unit-unit yang mengendalikan kursus-kursus wajib

## **SEMINAR KEBANGSAAN PENGAJIAN UMUM (SKPU 2006)**

universiti. Unit-unit tersebut ialah Unit Bahasa Arab, Unit Bahasa Inggeris, Unit Kursus Wajib Universiti, Unit Ko-Kurikulum dan Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Kini KUIM mempunyai tujuh buah fakulti dengan 14 program ijazah pertama dan dua program diploma serta dua buah pusat dengan empat program tamhidi untuk mengendalikan pelbagai program akademik yang perinciannya seperti di Jadual 2.

### **PUSAT PENGAJIAN UMUM**

Pusat Pengajian Umum (PPU) adalah satu pusat yang menyelaraskan 5 unit kecil di bawahnya. Sila rujuk kepada Rajah 1 mengenai struktur organisasi PPU KUIM. Unit-unit kecil tersebut ialah Unit Bahasa Arab, Unit Bahasa Inggeris, Unit Ko-Kurikulum, Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat, dan Unit Kursus Wajib Universiti. Setiap unit ini mempunyai seorang penyelaras yang dilantik di kalangan pensyarah universiti ini sendiri.

*Jadual 2: Program-program Akademik di KUIM*

<b>Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnha (FPQS)</b>
---




## SEMINAR KEBANGSAAN PENGAJIAN UMUM (SKPU 2006)

PPU berperanan menguruskan dan menyelaraskan unit-unit tersebut bagi melicinkan proses pentadbiran universiti khususnya. Sebelum tertubuh dan lahirnya Pusat Pengajian Umum, bahagian ini dikenali sebagai Unit Pengajian Umum (UPU). Kini unit ini telah ditukar namanya sebagai Unit Kursus Wajib Universiti dan diletakkan di bawah kendalian Pusat Pengajian Umum bersama-sama 4 unit yang lain yang telah disebutkan sebelum ini.

Objektif utama PPU ialah:

- Untuk melahirkan graduan yang menguasai pelbagai bahasa dan pengetahuan secara bersepadu dan seimbang bagi menghadapi cabaran era globalisasi dan rintangan kehidupan.
- Melahirkan pelajar yang berjiwa waja, cergas, sihat serta mempunyai daya saing yang tinggi samada di peringkat tempatan ataupun antarabangsa.
- Mewujudkan graduan madani dan sentiasa menabur bakti kepada masyarakat seluruhnya.



Rajah 1: Carta Organisasi Pusat Pengajian Umum KUIM

### Unit Bahasa Arab

Unit ini ditubuhkan bertujuan membimbing pelajar memahami dengan lebih mendalam tentang bahasa Arab dari segi penggunaan dan amalan harian samada dari segi kemahiran menulis, membaca, bercakap, mendengar dan memahami kaedah-kaedah nahu Arab. Subjek-subjek yang dikendalikan ialah Maharat al-Qiraah, Maharat al-Muhaddathah wa al-Khatabah, Maharat al-Kitabah dan Maharat al-Istima' wa al-Fahm.

### Unit Bahasa Inggeris

Unit ini adalah begitu penting bagi para pelajar dalam memahami bahasa Inggeris yang merupakan aset kepada para graduan apabila melangkah ke alam pekerjaan nanti. Sehubungan dengan itu, unit ini diwujudkan supaya pelajar dapat mendalami kaedah pembelajaran bahasa Inggeris dengan lebih matang, mantap dan berkesan samada dari segi pertuturan, penulisan, pemahaman dan pendengaran. Subjek-subjek yang dikendalikan oleh unit ini ialah Bahasa Inggeris I, Bahasa Inggeris II, Bahasa Inggeris III dan Bahasa Inggeris IV.

### Unit Ko-kurikulum

Unit ini baru sahaja ditubuhkan pada penghujung tahun 2005. Keperluan kepada kegiatan Ko-Kurikulum seperti sukan, kebudayaan dan kegiatan luar adalah kena pada masa dan ketikanya bagi menyediakan ruang yang lebih luas kepada para pelajar KUIM untuk menceburi aktiviti sihat terutama yang menjurus kepada kemahiran sukan dan rekreasi. Selain daripada menitikberatkan kemahiran akademik, penawaran kursus ini

## **SEMINAR KEBANGSAAN PENGAJIAN UMUM (SKPU 2006)**

berupaya menjadiimbangan dalam melahirkan pelajar berketrampilan. Di antara kegiatan sukan dan kebudayaan yang ditawarkan ialah Golf, Boling, Renang, Memanah, Boling Padang dan Persembahan Teater.

### **Unit Kursus Wajib Universiti**

Unit ini mengendalikan subjek-subjek wajib universiti yang mesti diambil oleh setiap pelajar KUIM. Subjek-subjek tersebut merupakan kemahiran-kemahiran asas yang lain yang diperlukan oleh pelajar untuk pengajian mereka dan seterusnya untuk kerjaya mereka. Di antara subjek-subjek tersebut ialah Pengantar Teknologi Maklumat, Pemikiran Kritis dan Kreatif, Pengantar Komunikasi, Asas Pengurusan Kualiti dan Metodologi Penyelidikan.

### **Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat**

Unit ini masih lagi di dalam penelitian kajian dan pembangunan tetapi akan mula ditawarkan pada sesi akademik tahun 2006/2007 ini nanti. Kursus-kursus yang bakal ditawarkan nanti merupakan kursus-kursus jangka pendek dan dibuka kepada sesiapa yang berminat. Sijil Penyertaan akan diberikan kepada peserta yang mengikuti kursus-kursus yang dijalankan. Di antara kursus-kursus yang akan ditawarkan ialah Kursus Undang-undang Keluarga Islam dan Hubungan Masyarakat, Kemahiran Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris Peringkat Awal, Pertengahan, Lanjutan dan Mahir, Iqra' dan Kursus Keterampilan Personaliti Pendakwah.

### **LATARBELAKANG SISWA SISWI KUIM YANG MAJORITINYA TERDIRI DARIPADA LEPASAN STAM**

Latarbelakang siswa siswi yang menuntut di KUIM berdasarkan syarat-syarat kemasukan seperti yang dinyatakan di Jadual 3.

Jadual 3: Syarat-syarat Kemasukan di KUIM

Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan lain yang setaraf dengannya, serta mendapat kepujian d
--



**PENGGUNAAN ICT DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P)  
SUBJEK PENGAJIAN UMUM**

Selaras dengan matlamat penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) iaitu penekanan kepada sains dan teknologi (S&T) dan penggunaan ICT, KUIM juga telah mengaplikasikan ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) khususnya dalam mengendalikan subjek-subjek Pengajian Umum. Peranan, cabaran dan kesan penggunaan ICT seperti yang dinyatakan di Jadual 4 akan dibincangkan berdasarkan satu kajian yang telah dijalankan ke atas pelajar-pelajar KUIM.

*Jadual 4: Peranan, cabaran dan kesan penggunaan ICT*

<b>Peranan</b>	<b>Cabaran</b>	<b>Kesan</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Literasi ICT untuk semua pelajar</li> <li>▪ ICT sebagai alat utama P&amp;P</li> <li>▪ Aplikasi ICT di dalam interdisiplin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pelajar yang berlatar belakang dan menjurus dalam bidang yang berlainan</li> <li>▪ Keberkesanan penggunaan ICT secara menyeluruh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengaplikasikan ICT di dalam bidang pengajian</li> <li>▪ Memilih bidang ICT sebagai satu kerjaya.</li> </ul>

**Literasi ICT Untuk Semua Pelajar**

Di antara matlamat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia ialah memastikan semua IPTA menyediakan modul untuk subjek ICT dengan mengambil kira kepelbagaian latar belakang dan bidang pengajian para pelajar. Sehubungan dengan itu KUIM melaksanakan peranan tersebut yang dikendalikan oleh PPU.

*Jadual 5: Topik-topik bagi subjek Pengantar Teknologi Maklumat*


<b>TOPIK TOPICS</b>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Teknologi Maklumat, Internet dan Anda <i>Information Technology, the Internet, and You</i></li> <li>2) Internet, Web, dan E-Dagang <i>The Internet, the Web, and Electronic Commerce</i></li> <li>3) Perisian <i>Application Software</i></li> <li>4) Perisian Sistem <i>System Software</i></li> <li>5) Unit Sistem <i>The System Unit</i></li> <li>6) Masukan dan Keluaran <i>Input and Output</i></li> <li>7) Storan Sekunder <i>Secondary Storage</i></li> <li>8) Komunikasi dan Jaringan <i>Communications and Networks</i></li> <li>9) Kerahsiaan dan Keselamatan <i>Privacy and Security</i></li> <li>10) Sistem Maklumat <i>Information Systems</i></li> <li>11) Pangkalan Data <i>Databases</i></li> <li>12) Analisis dan Rekabentuk Sistem <i>Systems Analysis and Design</i></li> <li>13) Bahasa Pengaturcaraan <i>Programming and Languages</i></li> <li>14) IT dan Masa Depan <i>Your Future and Information Technology</i></li> </ol>

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini PPU mengandungi lima unit. Unit Kursus Wajib Universiti (UKWU) yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan modul bagi subjek ICT dengan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai kata pengantar. Sila rujuk pada Jadual 5 bagi senarai topik-topik ICT. Sehubungan dengan itu setiap pelajar tahun 1 diwajibkan untuk mengambil subjek ICT ini yang dikenali sebagai UTA1032: Pengantar Teknologi Maklumat *Introduction to Information Technology*.

### ICT Sebagai Alat Utama Pengajaran & Pembelajaran (P&P)

Penggunaan ICT sebagai P&P memang telah dilaksanakan. Apatah lagi di institusi pengajian tinggi, penggunaannya sangat meluas. KUIM juga turut menggunakan ICT bukan hanya sebagai P&P, juga digunakan dalam pengurusan dan pentadbiran.

Menurut kajian yang telah dibuat, sebanyak 98.9% daripada keseluruhan pengajaran di PPU menggunakan ICT. Terdapat juga pengajaran yang hanya 10% melibatkan penggunaan ICT seperti kursus ko-kurikulum kerana melibatkan tugas di lapangan.



Rajah 2: Penggunaan ICT Berdasarkan Unit

### Aplikasi ICT di dalam Interdisiplin

Setiap subjek yang diajar di PPU akan diterangkan berdasarkan integrasi sekurang-kurangnya dua disiplin. Sebagai contoh bagi subjek Pengantar Teknologi Maklumat para pelajar didedahkan mengenai ICT dan Quran Sunnah, ICT dan Syariah serta ICT dan Kaunseling. Pelajar-pelajar digalakkan untuk mencuba konsep-konsep yang dipelajari dengan sendiri untuk diaplikasikan di dalam bidang mereka.

### Pelajar Berlatarbelakang Dan Menjurus Bidang Berlainan

Semua pelajar di KUIM adalah daripada sekolah agama. Mereka juga berasal daripada pelbagai tempat termasuk bandar dan luar bandar. Tahap pendedahan terhadap IT sebelum memasuki ke Kolej Universiti Islam Malaysia juga berbeza. Menurut kajian hanya 60% daripada pelajar untuk setiap semester yang biasa menggunakan ICT atau lebih tepat lagi komputer. Kebanyakan daripada 60% pelajar tersebut 50% pernah menggunakan Internet untuk e-mail dan chatting. Selebihnya biasa menggunakan aplikasi PowerPoint dan Microsoft Office. Ini merupakan cabaran yang utama dihadapi oleh tenaga pengajar di KUIM.

Selain daripada itu jurusan yang diambil oleh pelajar KUIM juga merupakan rintangan yang harus dilalui. Pengintegrasian dua bidang yang digunakan sebagai contoh dapat membantu pelajar untuk memahami konsep-konsep di dalam ICT. Penggunaan terma-terma ICT perlu dihuraikan dengan terperinci dan seboleh-bolehnya ditunjukkan peralatan secara fizikalnya.

Secara keseluruhan topik-topik ICT tidak diubah mengikut jurusan pelajar. Walau bagaimanapun pensyarah mengintegrasikan jurusan tersebut di dalam ICT.

### Keberkesanan Penggunaan ICT

Secara keseluruhan walaupun pelajar mempunyai pendedahan yang kurang mengenai ICT sebelum ini, mereka tetap menunjukkan minat dan kesungguhan untuk mempelajari teknologi ini supaya mereka tidak ketinggalan jauh. Ini dapat dilihat apabila pencapaian mereka pada setiap semester standing dengan subjek-subjek major yang lain. Setiap semester seramai 20 orang pelajar mendapat A dan A- di dalam subjek IT.

## **SEMINAR KEBANGSAAN PENGAJIAN UMUM (SKPU 2006)**

Hanya 3 orang mendapat C+. Ini menunjukkan latarbelkang dan jurusan pelajar mempengaruhi pencapaian pelajar tetapi tidak sepenuhnya. Jika tidak menggunakan ICT tahap pemahaman pelajar akan kurang.

### **Aplikasi ICT Dalam Pengajian**

Apabila pelajar telah didedahkan kepada subjek ICT, pelajar lebih mahu mempelajari sesuatu topik itu dengan mendalam. Unit IT menyediakan latihan ICT untuk pelajar yang ingin mendalami sesuatu aplikasi dengan lebih lagi. Antara kursus yang disediakan ialah Penyediaan Laman Web, Aplikasi Multimedia, Pengurusan Fail menggunakan Pangkalan Data dan Pengiraan menggunakan Excel. Kursus-kursus ini disediakan untuk pelajar tahun akhir dan diajar oleh pensyarah dari UKWU. Pelajar hanya boleh memilih satu kursus sahaja dan sijil penyertaan akan diberi di akhir latihan. Latihan ini diadakan pada hari Sabtu atau Ahad sepanjang satu semester.

### **ICT Sebagai Kerjaya**

Tahun ini KUIM akan mengadakan majlis graduasi yang ke-4. Pada tiga kumpulan pelajar yang terdahulu seramai 10 orang telah diketahui menjurus kepada ICT sebagai kerjaya. Ada yang menjalankan Cyber Café, Database Executive, IT Executive dan Programmer trainee. Ini menunjukkan satu kesan yang besar di dalam subjek IT kerana pelajar-pelajar sebelum ini mempunyai pendedhan IT yang kurang dan tidak mengambil bidang ICT. Diharapkan dengan tertubuhnya Fakulti Sains dan Teknologi lebih ramai graduan Pengajian Islam memilih bidang ICT sebagai kerjaya.

### **KESIMPULAN**

Peranan, kesan dan cabaran penggunaan ICT sebagai P&P bukan satu halangan yang utama. Kreativiti tenaga pengajar untuk menarik minat pelajar mendekati teknologi ini perlu dititik beratkan. Dalam kata yang lain, cara pengajaran bukan hanya di kuliah dan menggunakan buku. Penggunaan peralatan ICT secara meluas membolehkan pelajar mempelajari teknologi ini dengan lebih cepat.

Cadangan untuk melebihi kerja kursus untuk subjek pengajian umum masih di dalam perbincangan. Kemungkinan dimulai dengan Metodologi Penyelidikan. Oleh sebab itulah kertas kerja ini dibentangkan untuk berkongsi pengalaman dan meminta pandangan demi memperkuatkan keberkesanan subjek Pengajian Umum kepada pelajar jurusan agama.